

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2Jld.4(24)

8 September 2016
6 Zulhijah1437H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 26/2016

PENAMBAHBAIKAN KUASA PELULUS BAGI PERMOHONAN PERJALANAN KELUAR NEGARA STAF ATAS URUSAN RASMI

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 88 pada 30 Ogos 2016 telah meluluskan arahan daripada Kementerian Kewangan Bil. KK/BABB 10/72Jld.8(SK.1) (2) bertarikh 11 Mei 2016 berhubung Pematuhan Peraturan Perjalanan atas Tugas Rasmi Keluar Negara oleh Badan-badan Berkanun Persekutuan. Bagi menjaga keperluan dan kepentingan hubungan Universiti dengan pihak luar serta pengekal MyRA, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 17/2016 pada 29 Ogos 2016 telah bersetuju agar kawalan bagi pelaksanaan permohonan keluar negara ditambahbaik dan telahpun dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Universiti.

2. Sehubungan itu, tanggungjawab Pegawai Pelulus diturunkan kuasa kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti/Naib Canselor bagi permohonan perjalanan ke luar negara dengan menggunakan peruntukan yang dijana sendiri oleh Universiti termasuk dana-dana penyelidikan dari luar negara dan geran industri seperti mana di Jadual 1 di bawah.

3. Walau bagaimanapun, perjalanan ke luar negara menggunakan peruntukan mengurus Universiti, geran kerajaan dan tabung amanah adalah masih tertakluk kepada surat Kementerian Kewangan Bil. KK/BABB 10/72Jld.8(SK.1) (2) bertarikh 11 Mei 2016 berhubung Pematuhan Peraturan Perjalanan atas Tugas Rasmi Keluar Negara oleh Badan-badan Berkanun Persekutuan.

4. Sebagai makluman garis panduan baharu ini adalah berkuat kuasa serta merta sehingga pemakluman baharu dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar

- s.k. - YBhg. Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Bendahari
- Pengarah Kerja, Pejabat Pengarah Kerja
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

Jadual 1 : Jadual Proses Kelulusan Keluar Negara atas Urusan Rasmi

PROSES	KATEGORI STAF				
	NC	TNC	Pegawai Kanan (ahli JPU sahaja)	Semua Staf (Pembiayaan sendiri)	Semua Staf (Geran)
Permohonan	NC	TNC	Pegawai Kanan (ahli JPU sahaja)	Semua Staf (Pembiayaan sendiri)	Semua Staf (Geran)
Pengesahan 1	-	PSM PTJ	PSM PTJ	<ul style="list-style-type: none"> • PSM PTJ • Dekan/Ketua PTJ 	<ul style="list-style-type: none"> • PSM PTJ • Dekan/Ketua PTJ
Pengesahan 2	-	-	-	-	(Penyelidikan) <ul style="list-style-type: none"> • Urus Setia RMC • Pengarah RMC
Pengesahan 3	-	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • Urus Setia Pejabat TNC • TNC 	Urus Setia TNC(PI)
Pengesahan 4	-	NC	Urus Setia Pejabat Nc	Urus Setia Pejabat NC	Urus Setia Pejabat NC
Kelulusan	Pengerusi LPU	Pengerusi LPU	NC	NC	NC